

16 JUL 1999

Persidangan-ACI

MAHATHIR AKAN RASMIKAN PERSIDANGAN ACI-PACIFIC

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Perhimpunan Agung dan Persidangan Kesembilan Majlis Serantau Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI)-Pasifik di sini pada Ahad ini.

Perhimpunan agung dan persidangan tiga hari itu adalah yang pertama diadakan di Asia Tenggara, dan akan dihadiri oleh 250 peserta dan tetamu.

Tema persidangan tahun ini ialah "Lapangan Terbang Generasi Akan Datang", kata Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad (Malaysia Airports) Datuk Khairuddin Ibrahim hari ini.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini bahawa tema itu dipilih berikutan perubahan semasa dalam industri penerbangan, yang membawa operator lapangan terbang dan syarikat penerbangan ke dimensi baru dalam pengangkutan udara alaf baru.

"Lapangan-lapangan terbang bukan lagi semata-mata pintu masuk dan keluar bagi para pelancong. Ia adalah destinasi dalam hak mereka sendiri, dengan hubungan, perniagaan merentasi sempadan dan kemudahan transit diadakan di situ," katanya.

Khairuddin berkata persidangan itu akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek teknikal seperti ekonomi, isu alam sekitar, kemudahan, keselamatan teknikal, keselamatan dan isu-isu kecil lapangan terbang.

Antara 27 penceramah pada persidangan itu ialah perekabentuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Kisho Kurokawa, yang juga presiden Kurokawa and Associates.

ACI ialah pertubuhan dunia untuk lapangan terbang dengan mempunyai 500 anggota yang menguruskan lebih 1,300 lapangan terbang di 160 negara.

-- BERNAMA

MOT NAK